

POTENSI KETERLIBATAN PELAJAR KEJURUTERAAN
ELEKTRIK SEMESTER AKHIR KUITTHO DALAM BIDANG
KEUSAHAWANAN



PTTA IITHM
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN
SEGAR A/L RAJAMANICKAM

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00071024 8



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS***

JUDUL: **POTENSI KETERLIBATAN PELAJAR KEJURUTERAAN ELEKTRIK
SEMESTER AKHIR KUITTHO DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN**

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya SEGAR A/L RAJAMANICKAM
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan(✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



Disahkan oleh

Segar
(TANDATANGAN PENULIS)

Segar
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

No. 20-5-3A, TINGKAT PAYA
TERUBONG 2, AIR ITAM,
11060 PULAU PINANG.

TN. HJ. MOHD YUSOP BIN ABDUL HADI

Nama Penyelia


Tarikh: 14 FEBRUARI 2003

Tarikh: 14 FEBRUARI 2003

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
 - *** Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda(PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan




Nama Penyelia

Eric Mohd Yusop bin Abdul Hadi
Penyelia
Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional
Pusat Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Tarikh

14 Februari 2003



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**POTENSI KETERLIBATAN PELAJAR KEJURUTERAAN ELEKTRIK
SEMESTER AKHIR KUITTHO DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN**

SEGAR A/L RAJAMANICKAM

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

FEBRUARI 2003

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : SEGAR A/L RAJAMANICKAM

Tarikh : 14 Februari 2003



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

DEDICATION

Especially to my.....

Loving wife V. Vijayaletchumi

Daughter S. Thevisvarubiini

Mother In Law Madam S. Lechemy

For all their love, care and support

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia Projek Sarjana iaitu Tn. Haji Mohd Yusop Bin Abdul Hadi di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan beliau telah menyokong usaha saya untuk menyiapkan Projek Sarjana ini.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada Dr Wahid Razally yang membimbing saya dalam penggunaan statistik dalam penyelidikan pendidikan dan kepada En. Mohd Izam Ghazali yang sudi menjadi penyelia kedua menggantikan Tn. Haji Mohd Yusop Hadi yang mengerjakan Haji dan meluangkan masa membaca hasil karya saya dengan terperinci.

Selain itu saya juga ingin merakamkan penghargaan dan rasa terutang budi kepada isteri, ibu mertua dan anak saya yang telah memberi motivasi dan begitu memahami tugas saya serta selalu mendoakan kejayaan saya.

Rakaman penghargaan ini juga ditujukan untuk para responden yang telah sudi menjawab borang soal selidik dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh, dan juga kepada rakan-rakan yang terlibat semasa proses mengedarkan borang soal selidik.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga buat semua yang banyak membantu dalam merealisasikan dan menjayakan projek ini. Segala tunjuk ajar dan jasa kalian amat berharga.

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang keusahawanan. Di samping itu, kajian ini juga cuba mengenal pasti perbezaan penglibatan di dalam bidang keusahawanan dari segi jantina. Pengumpulan data adalah melalui soal selidik. Sebanyak 86 soal selidik telah di analisis berdasarkan kaedah kualitatif iaitu taburan frekuensi, peratusan dan skor min dan secara kuantitatif ujian -t dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS ver 10.0)*. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti daripada responden mempunyai sikap yang positif terhadap bidang keusahawanan. Walau bagaimanapun secara keseluruhan tahap potensi keterlibatan dalam bidang keusahawanan adalah di paras sederhana. Ini mungkin disebabkan pelajar-pelajar kejuruteraan lebih cenderung untuk menceburi bidang kerjaya lain yang menawarkan pendapatan yang tetap dan berhasrat menjadi seorang profesional seperti jurutera. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tiada terdapat perbezaan signifikan dari segi jantina, potensi keterlibatan dalam bidang keusahawanan. Adalah dicadangkan agar pihak KUiTTHO dapat mengenal pasti calon-calon atau bakal-bakal usahawan semasa mereka masih menuntut untuk membolehkan penyaluran bantuan dilakukan dengan secepat mungkin sebelum semangat mereka lentur. Satu kajian dicadangkan untuk melihat potensi keterlibatan semua pelajar kejuruteraan IPTA dan IPTS di seluruh Malaysia dan melihat siapakah di kalangan mereka benar-benar mempunyai potensi menceburi bidang keusahawanan.

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the potential of KUiTTHO's final semester's electrical engineering students involvement in the field of entrepreneurship. Besides that, this study also try to identify the potential differences in the field of entrepreneurship among students from the viewpoint of gender. Total of 86 questionnaire's were collected and analyzed based on qualitative method there are frequency distributions, percentage and mean score and quantitative method, *t-test* using Statistical Package of Social Science (SPSS ver 10.0). The findings of this research showed that majority of the respondents has positive attitude towards entrepreneurship. Nevertheless as a conclusion, the potential of student's involvement in entrepreneurship is still at a moderate stage. This is may due to, engineering students are more towards looking for promising career that offers permanent income and has an aspiration to become professionals such as an engineer. The result also shows that there are no significant differences in potential involvement in entrepreneurship between genders. Several suggestion are made by the researcher to the related party in KUiTTHO to identify potential candidates or future entrepreneurs while they are still in university so that related party could channel their assistance quickly before their spirit is being outdated. For the purpose of future study, a detail study should be carried out among all IPTA and IPTS engineering students in Malaysia to determine who has the true potential involvement in entrepreneurship.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
------------	----------------	-------------------

	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAHAGIAN SATU

PENDAHULUAN

BAB I	PENDAHULUAN	
--------------	--------------------	--

	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	3
	1.2 Penyataan Masalah	5
	1.3 Tujuan Kajian	7

1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Sampel Kajian	9
1.7	Skop Kajian	9
1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Definisi Konsep	11
1.10	Definisi Operasi Kajian	13
1.11	Kerangka Kajian	14

BAHAGIAN DUA SOROTAN KAJIAN

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.0	Pengenalan	15
2.1	Ciri-ciri Seorang Usahawan	16
2.2	Kepentingan Bidang Keusahawanan	17
2.3	Kemahiran Asas Keusahawanan	18
2.4	Potensi Keusahawanan	19

BAHAGIAN TIGA METODOLOGI KAJIAN

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	25
3.1	Proses Kajian	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	28
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	28

3.4	Alat/Instrumen Kajian	29
3.4.1	Bahagian Soal Selidik	30
3.4.1.1	Bahagian I: Potensi Keterlibatan Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan	30
3.4.1.2	Bahagian II: Data Demografi	31
3.5	Proses Mendapatkan Data	32
3.5.1	Penyediaan Borang Soal Selidik	32
3.5.2	Pengedaran/Pemungutan Borang Soal Selidik	33
3.6	Kaedah Analisis Data	34
3.6.1	Purata Skor Min	34
3.6.2	Peratusan	35
3.7	Andaian	35
3.8	Kajian Rintis	36
3.9	Keputusan Kajian Rintis	37

BAHAGIAN EMPAT
ANALISIS DATA

BAB IV ANALISIS DATA

4.0	Pendahuluan	38
4.1	Maklumat Diri Responden	39
4.2	Potensi Keterlibatan Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan	41
4.2.1	Aspek Keterampilan Dan Kemahiran Untuk Menjadi Seorang Usahawan	43
4.2.2	Aspek Sifat-Sifat/Ciri-Ciri Untuk Menjadi Seorang Usahawan	45
4.2.3	Aspek Pengalaman /Latar Belakang Ke Arah	

Menjadi Seorang Usahawan	46
4.2.4 Aspek Motivasi Dan Sikap Ke Arah Menjadi Seorang Usahawan	47
4.2.5 Tahap Potensi Keseluruhan	48
4.2.6 Perbandingan Potensi Keterlibatan Dalam Bidang Keusahawanan Dari Segi Jantina	49

BAHAGIAN LIMA

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

BAB V

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan	51
5.1 Perbincangan	51
5.2 Potensi Keterlibatan Pelajar-Pelajar Kejuruteraan Elektrik Dalam Bidang Keusahawanan	52
5.2.1 Tahap Potensi Keterlibatan Dari Aspek Keterampilan Dan Kemahiran	53
5.2.2 Tahap Potensi Keterlibatan Dari Aspek Sifat-Sifat/Ciri-Ciri	53
5.2.3 Tahap Potensi Keterlibatan Dari Aspek Pengalaman Dan Latar belakang Pelajar	54
5.2.4 Tahap Potensi Keterlibatan Dalam Bidang Keusahawanan Dari Aspek Motivasi/Sikap	55
5.3 Potensi Keterlibatan Dalam Bidang Keusahawanan	56
5.4 Kesimpulan	57
5.5 Cadangan	58
5.5.1 Cadangan Produk	58



PTJ A UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

5.5.2 Cadangan Terhadap Dapatan Kajian	59
5.5.3 Cadangan Terhadap Kajian Lanjutan	60

BAHAGIAN ENAM

REKA BENTUK CADANGAN PRODUK

BAB VI REKA BENTUK CADANGAN PRODUK

6.0	Pengenalan	62
6.1	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	62
6.2	Reka Bentuk Produk	64
6.2.1	Bentuk Dan Ciri Produk	64
6.2.2.	Kronologi Pembinaan Produk	64
6.2.2.1	Keperluan Modul	66
6.2.2.2	Pengumpulan Maklumat	66
6.2.2.3	Penyusunan Maklumat	66
6.2.2.4	Penulisan Modul	67
6.2.2.5	Penghasilan/Komen Penyelia dan Pengubahsuaian Modul	67
6.2.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	67
6.2.4	Bahan, Kos dan Masa	68
6.2.5.	Dokumentasi produk	68
6.3	Penilaian Produk	69
6.4	Cadangan Pembaikan	69



BIBLIOGRAFI	70
Lampiran A Borang Soal Selidik	74
Lampiran B Keputusan Kajian Rintis	83
Lampiran C Data SPSS	86



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Guna Tenaga Di Malaysia Pada Tahun 2001 Dan 2002	5
1.2	Pendaftar Pencari Kerja Dan Kekosongan Jawatan, 2001	6
2.1	<i>Characteristics Most Often Attributed To Entrepreneurs</i>	20
2.2	Potensi keterlibatan dalam bidang keusahawanan gabungan karya	22
3.1	Soalan Kajian	30
3.2	Skala Likert	31
4.1	Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jantina Dan Bangsa	40
4.2	Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Umur	40
4.3	Bilangan dan Peratus Pekerjaan Ibu bapa Responden	41
4.4	Tafsiran Tahap Potensi Pelajar Mengikut Skor Min	42
4.5	Potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam aspek keterampilan dan kemahiran.	43
4.6	Potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam aspek sifat-sifat/ciri-ciri	45
4.7	Potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam aspek pengalaman dan latar belakang.	47
4.8	Potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam aspek motivasi dan sikap.	48
4.9	Tahap potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Guna Tenaga Di Malaysia Pada Tahun 2001 Dan 2002	5
1.2	Pendaftar Pencari Kerja Dan Kekosongan Jawatan, 2001	6
2.1	<i>Characteristics Most Often Attributed To Entrepreneurs</i>	20
2.2	Potensi keterlibatan dalam bidang keusahawanan gabungan karya	22
3.1	Soalan Kajian	30
3.2	Skala Likert	31
4.1	Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jantina Dan Bangsa	40
4.2	Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Umur	40
4.3	Bilangan dan Peratus Pekerjaan Ibu bapa Responden	41
4.4	Tafsiran Tahap Potensi Pelajar Mengikut Skor Min	42
4.5	Potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam aspek keterampilan dan kemahiran.	43
4.6	Potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam aspek sifat-sifat/ciri-ciri	45
4.7	Potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam aspek pengalaman dan latar belakang.	47
4.8	Potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam aspek motivasi dan sikap.	48
4.9	Tahap potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang	

keusahawanan secara keseluruhan.	49
4.10 Tahap potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang keusahawanan secara perbandingan di antara lelaki dan perempuan.	50



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Dimensi Potensi	10
1.2	Kerangka Kajian Penyelidik	14
3.1	Gambar Rajah Metodologi Kajian	26
3.2	Tahap-Tahap Kajian Yang Dilalui Oleh Penyelidik	27
3.3	Kaedah Purata Skor	34
3.4	Kaedah Peratusan	35
6.1	Kronologi Pembinaan Produk	65



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal-Selidik(untuk diisi oleh pelajar)	74
B	Keputusan kajian Rintis	83
C	Data SPSS	86



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Menurut Abdul Aziz (2000), perkataan “entrepreneur” adalah dalam bahasa Inggeris berasal daripada bahasa Perancis “entreprendre” yang bermaksud memikul atau mencuba. Manakala dalam bahasa Melayu istilah usahawan sebenarnya berasal dari perkataan “usaha”. Menurut kamus Dewan usaha ialah daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan, perbuatan dan lain-lain hal untuk melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu pekerjaan. Menurut Drucker (1996) usahawan ditakrifkan sebagai seorang yang berupaya memindahkan sumber ekonomi dari sektor yang kurang daya produktivitinya ke sektor yang lebih tinggi daya produktivitinya dan sementara Barker (1994) mendefinisikan usahawan sebagai orang yang berjaya mengujudkan nilai tambah ke dalam pasaran. Ia menjadi satu perkataan yang bertambah popular di seluruh Malaysia sejak kebelakangan ini.

Perkataan usahawan ini menjadi popular di Malaysia sempena dengan pengubalan dan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam pertengahan tahun 1970-an (Barjoyai 2000) dan semakin bertambah popular lagi apabila Malaysia mula menghadapi masalah pengangguran di kalangan siswazah. Dalam hal ini bidang keusahawanan dikenal pasti sebagai satu jawapan kepada masalah pengangguran.

Keusahawanan ditakrifkan sebagai keseluruhan sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu bahkan cekap untuk mencari, mengenal dan merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi dan usaha-usaha perniagaan untuk faedah ekonomi dan keuntungan.(Barjoyai ,2000).

Walaupun istilah ini mungkin baru tetapi konsep keusahawanan itu sebenarnya telah lama diamalkan. Nilai keusahawanan jika kita merujuk kepada sejarah peradaban manusia telah lama dipraktikkan. Kita lihat bagaimana perdagangan pada suatu masa dahulu, walaupun pada ketika itu kekurangan pelbagai kemudahan asas, telah memainkan peranan penting dalam perkembangan sesebuah negara dan tamadun manusia. Sikap dan amalan mereka adalah sikap dan amalan yang ada pada diri orang yang dipanggil sebagai usahawan pada hari ini. Tambahan lagi pada masa kini dalam saat-saat negara menghadapi masalah kegawatan ekonomi, bidang keusahawanan dikenal pasti sebagai salah satu daripada penyelesaian kepada masalah pengangguran (Barjoyai, 2000) yang memberi harapan kepada pembangunan negara dari aspek ekonomi.

Walau bagaimanapun disebabkan kurangnya pemahaman tentang konsep keusahawanan di kalangan siswazah IPTA, maka penglibatan diri dalam bidang keusahawanan kurang mendapat sambutan di kalangan siswazah(Mohd Safar, 2000). Tidak hairanlah jika pada 22 April 2000 lalu kita dikejutkan dengan berita yang mengatakan bahawa seramai 39,000 graduan universiti dan kolej masih menganggur, kerana bidang pengajian mereka tidak memenuhi kehendak pasaran tenaga kerja (Mohd Safar, 2000). Angka ini termasuk mereka dari kalangan profesional dan teknikal. Oleh itu, kajian ini untuk mengenal pasti potensi keterlibatan pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang keusahawanan. Pemilihan responden kejuruteraan elektrik adalah kerana menurut Rohaizat (2002) “disiplin kejuruteraan,sains teknologi tidak mempunyai banyak berbeza dengan lain-lain ikhtisas kerana secara tidak langsung mereka juga beroperasi dalam persekitaran yang sama”.

Suatu lagi perkara yang unik di KUiTTHO ialah cara program kejuruteraan dikendalikan di mana pelajar-pelajarnya diwajibkan untuk menghadiri latihan kemahiran di setiap hujung semester kedua selama dua bulan. Ianya bertujuan untuk mendedahkan para pelajar tentang kemahiran asas yang diperlukan dalam bidang masing-masing dan pengalaman yang diperoleh ini mungkin membantu pelajar-pelajar KUiTTHO menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dengan penuh yakin.

1.1 Latar Belakang Kajian

“Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah merupakan sebuah pusat pengajian yang membentuk dan mengajar pelbagai ilmu bertujuan untuk melahirkan pekerja, bukan usahawan” (Mohd Safar, 2000). Enrolmen pelajar telah meningkat dengan begitu pesatnya dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat, perakaunan, pengurusan semata-mata untuk mendapatkan ijazah yang menjadi passport untuk mereka mendapat pekerjaan yang sesuai (Mohd Zohaide, 2001). Jika tiada pekerjaan, atau pekerjaan tidak sesuai dengan mereka, maka mereka rela menjadi penganggur. Ini terbukti dengan berita yang memaparkan seramai 39,000 lulusan universiti dan kolej masih menganggur, kerana bidang pengajian mereka tidak memenuhi kehendak pasaran tenaga kerja (Mohd Safar, 2000).

Salah satu daripada kaedah untuk mengatasi masalah kadar penangguran ialah dengan mendedahkan pelajar-pelajar kepada kursus-kursus keusahawanan ketika di peringkat universiti. Melalui ini mereka mungkin dapat berdikari dan memulakan perniagaan walau kecil mana sekalipun dan secara tidak langsung ini akan mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah. Mungkin kekurangan ilmu yang berkaitan keusahawanan membuat mereka gerun untuk memasuki bidang perniagaan atau menjadi usahawan. Mungkin mereka takut

menghadapi risiko menjadi ahli perniagaan atau usahawan (Rae-Dupree Janet, 2002). Sokongan hujah oleh Mohd Safar (2000), iaitu kadar peningkatan pengangguran di kalangan siswazah tempatan jelas menunjukkan bahawa institusi pendidikan tinggi awam gagal mengenal pasti potensi pelajar-pelajar dalam bidang keusahawanan di samping itu gagal memberi pendedahan dari segi pengetahuan dan kemahiran kepada lulusan universiti supaya mendorong mereka menjadi bakal usahawan (Mohd Safar, 2000).

Selain daripada itu terdapat beberapa faktor lain yang dikenal pasti yang menyebabkan kurang penglibatan siswazah dalam bidang keusahawanan di antaranya ialah, tiada “role model” yang boleh menjadi ikutan lulusan universiti kerana sebahagian besar ibu bapa mereka bekerja makan gaji sama dengan kerajaan atau swasta. Kedua, tiada sokongan moral daripada masyarakat umum dan akhirnya imej buruk terhadap para usahawan wujud sekarang (Henderson dan Robertson, 2000)

Sokongan hujah kepada kekecewaan mengenai penglibatan siswazah dalam bidang keusahawanan juga boleh didapati daripada dapatan kajian lulusan universiti yang ingin memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Sebagai contoh, kajian telah dilakukan di Britain di kalangan 117 lulusan ijazah pertama, 10 pelajar sarjana dan 11 pelatih bank. Hasil kajian menunjukkan bahawa, sungguhpun mereka menunjukkan minat dan potensi untuk menceburi bidang keusahawanan tetapi mereka masih kecewa dengan beberapa faktor-faktor seperti “role model”, imej buruk usahawan dalam media dan kekurangan faktor dorongan dalam menceburi bidang keusahawanan (Henderson dan Robertson (2000), Calvin (1991), Mohd Safar (2000). Merujuk kepada hujah di atas adalah wajar satu kajian dilakukan bagi mengenal pasti potensi keterlibatan pelajar-pelajar dalam bidang keusahawanan agar mereka terus melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sebaik sahaja tamat pengajian.

1.2 Penyataan Masalah

Seperti yang kita sedia maklum bahawa kadar pengangguran kian meningkat sejak kebelakangan ini menjadi bahan perbualan pelbagai kelompok masyarakat dan sering dilaporkan di dalam media cetak (seperti ditunjukkan dalam jadual 1.1).

Jadual 1.1 Guna Tenaga di Malaysia pada tahun 2001 dan 2002

GUNA TENAGA <i>Employment</i>	2001	2002	
		Suku 1 <i>1st Qtr.</i>	Suku 2 <i>2nd Qtr.</i>
Jumlah Tenaga Buruh ('000) <i>Total Labour Force ('000)</i>	9,892.1	10,046.5	9,901.8
Bekerja ('000) <i>Employed ('000)</i>	9,535.0	9,671.4	9,520.8
Menganggur ('000) <i>Unemployed ('000)</i>	357.1	375.1	381.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2002
Dikemaskinikan pada 30 September 2002

Mengikut sumber Jabatan Tenaga Rakyat, pertambahan bilangan institut pengajian tinggi awam dan swasta serta sikap para pencari kerja secara keseluruhan yang mengharapkan pekerjaan yang dipilih, telah sedikit sebanyak menjadi faktor penyumbang kepada ketidakseimbangan ini di samping kesan negatif ini mungkin berpunca daripada kalangan siswazah itu sendiri yang kurang berketerampilan dan berpotensi untuk berhadapan dengan cabaran dan risiko yang bakal dihadapi apabila menjadi ahli perniagaan atau usahawan. Mengikut Yep Putih (1985), bidang

keusahawanan bukan pilihan pertama para mahasiswa. Ini adalah kerana, mahasiswa lebih berminat untuk makan gaji dan mempunyai impian menjadi seorang profesional seperti, jurutera, doktor, peguam, guru dan sebagainya. Mengikut laporan Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia, 2001, sepanjang tahun 2001 yang lalu, seramai 113,861 pencari kerja telah mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.9% berbanding 112,835 pada tahun 2000.

Golongan profesional dan teknikal mewakili 18.7% sebagai pencari kerja (Seperti ditunjukkan dalam jadual 1.2).

Jadual 1.2 Pendaftar Pencari Kerja Dan Kekosongan Jawatan, 2001*

Kumpulan Pekerjaan	Pencari kerja		Kekosongan Jawatan		Nisbah pencari kerja dengan kekosongan Jawatan
	Bil.	%	Bil	%	
Profesional & Teknikal	21,294	18.7	3,942	3.0	5.4 : 1
Pentadbiran & Pengurusan	6,590	5.8	1,078	0.8	6.1 : 1
Perkeranian & berkaitan	54,137	47.5	8,914	6.8	6.1 : 1
Penjualan	1,649	1.5	2,974	2.3	1 : 1.8
Perkhidmatan	1,852	1.6	3,575	2.7	1 : 1.9
Pertanian	271	0.2	23,084	17.5	1 : 85.2
Pengeluaran & berkaitan	28,068	24.7	87,892	66.9	1 : 3.1
JUMLAH	113,861	100.0	131,459	100.0	1 : 1.2

Sumber : Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia

(*)Perangkaan ini diperolehi melalui pendaftaran yang dibuat oleh para pencari kerja dan kekosongan yang dilaporkan oleh majikan kepada Jabatan Tenaga Rakyat di seluruh negara bagi tempoh Januari – Disember, 2001.

Apa yang ketara sekarang ialah para graduan kita telah menjadikan bidang keusahawanan sebagai pilihan terakhir atau pekerjaan sementara sahaja (Yep Putih, 1985). Ini bermaksud bahawa lulusan universiti akan memilih bidang ini setelah

mereka gagal mendapat pekerjaan lain yang dianggap lebih stabil dan lebih membanggakan. Keadaan ini jelas menggambarkan mengapa ramai graduan tidak melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

Keadaan sedemikian haruslah berubah dan penuntut universiti kini tidak boleh bersikap terlalu bergantung kepada peluang pekerjaan sama ada sektor awam mahupun swasta, sebaliknya perlu membuktikan kemampuan mencipta pekerjaan atau bekerja sendiri, khususnya dalam bidang keusahawanan.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh manakah potensi keterlibatan pelajar-pelajar KUiTTHO khususnya pelajar-pelajar semester akhir kejuruteraan elektrik dalam menceburi bidang keusahawanan .



1.3

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pastipotensi keterlibatan pelajar-pelajar semester akhir kejuruteraan elektrik KUiTTHO dalam menceburi bidang keusahawanan.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah untuk mengenal pasti potensi keterlibatan dalam bidang keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO. Objektif kepada kajian ini ialah:-

1. Untuk mengenal pasti potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO yang berpotensi dalam bidang keusahawanan berdasarkan keterampilan dan kemahiran.
2. Untuk mengenal pasti potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang keusahawanan berdasarkan sifat-sifat dan ciri-ciri.
3. Untuk mengenal pasti potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang keusahawanan berdasarkan pengalaman dan latar belakang.
4. Untuk mengenal pasti potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang keusahawanan berdasarkan motivasi dan sikap.
5. Untuk mengenal pasti potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang keusahawanan berdasarkan keseluruhan.
6. Untuk mengetahui sama ada pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik KUiTTHO yang berlainan jantina mempunyai potensi yang berbeza untuk terlibat dalam bidang keusahawanan.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai tujuan penyelidikan ini, persoalan-persoalan kajian berikut telah dibina.

1. Sejauh manakah potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang keusahawanan?

2. Adakah terdapat perbezaan signifikan dalam potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang keusahawanan dari segi jantina.?
3. Sejauh manakah pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik menunjukkan motivasi dan sikap positif terhadap bidang keusahawanan?


1.6 Sampel Kajian

Kajian dijalankan di Institut Pengajian Tinggi Awam, iaitu di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Responden kajian ini ialah pelajar-pelajar semester akhir dari bidang kejuruteraan elektrik KUiTTHO. Pemilihan responden kejuruteraan elektrik adalah kerana “menurut Rohaizat (2002) disiplin kejuruteraan dan sains teknologi tidak mempunyai banyak berbeza dengan lain-lain ikhtisas kerana secara tidak langsung mereka juga beroperasi dalam persekitaran yang sama”. Seramai 147 orang pelajar telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Daripada jumlah tersebut hanya 86 atau sebanyak 59% sahaja mengembalikan borang soal selidik yang lengkap dijawab. Saiz populasi ini dipilih berdasarkan pendaftaran mata pelajaran projek tahun akhir BEE4104. Kursus ini hanya ditawarkan kepada pelajar-pelajar semester akhir kejuruteraan elektrik sahaja. (Sumber: Fakulti Teknologi Kejuruteraan, 2002)

1.7 Skop Kajian

Kajian ini terhad kepada pengumpulan data tentang aspek-aspek potensi keterlibatan pelajar-pelajar semester akhir kejuruteraan elektrik KUiTTHO dalam bidang keusahawanan. Untuk tujuan kajian ini potensi keterlibatan dalam bidang

keusahawanan dibahagikan kepada empat domain penting seperti digambarkan dalam Rajah 1.1



Rajah 1.1 Dimensi Potensi

1.8 Kepentingan Kajian

1. Belum ada kajian seperti ini yang dijalankan di kalangan pelajar-pelajar kejuruteraan di KUiTTHO. Kajian ini diharap dapat membantu Pihak Pengurusan Akademik KUiTTHO merangka program keusahawanan kepada pelajar-pelajar tahun akhir.
2. Hasil Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik KUiTTHO mempunyai kesedaran peri pentingnya bidang keusahawanan.
3. Maklumat yang terkumpul boleh dijadikan sebagai garis panduan menyediakan modul untuk menggalakkan pelajar-pelajar aliran teknikal IPTA menceburi bidang keusahawanan.

4. Hasil kajian ini juga diharapkan akan menjadi panduan kepada para pelajar semester akhir kejuruteraan elektrik untuk mengenal pasti potensi yang harus ada pada diri mereka untuk menceburi bidang keusahawanan selepas berijazah kelak.

1.9 Definisi Konsep:-

Usahawan:-

Ditakrif sebagai orang yang berupaya memindahkan sumber ekonomi dari sektor yang kurang daya produktiviti ke sektor yang lebih tinggi daya produktiviti. Drucker (1996) dan Barker (1994) mendefinisikan usahawan sebagai orang yang berjaya mengujudkan nilai tambah ke dalam pasaran. Sementara Abdul Aziz (2000) mentakrifkan usahawan sebagai orang yang bersedia untuk mengadakan kreativiti, inovasi, pengambilan risiko dengan kesanggupan bekerja untuk membentuk, membangun dan memaksimumkan potensi diri dengan memanfaatkan peluang yang diperoleh dan mengikut Zaidatol Akmaliah dan Habibah (1997) usahawan dikenal pasti sebagai orang yang mempunyai tingkah laku inovatif dan akan mempraktikkan pengurusan strategik dalam perniagaannya dan tambahan lagi usahawan ialah seorang individu yang mendapatkan faktor-faktor pengeluaran dan menggabungkannya untuk menghasilkan barangan yang kemudiannya dijual di pasaran.

Keusahawanan:-

Abdul Aziz (2000) mendefinisikan keusahawanan sebagai syarikat yang melaksanakan kombinasi baru bagi pembangunan produk dan perkhidmatan baru, sumber baru untuk bahan mentah, kaedah baru pengeluaran, pasaran baru dan organisasi berbentuk baru dan sebagai aktiviti yang mendatangkan manfaat melalui pembangunan perniagaan yang berorientasikan keuntungan. Barjoyai(2000), mendefinisikan keusahawanan sebagai sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu dan cekap untuk mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi dan usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan.

IPTA:-

Menurut Laporan Khir Johari (1967) dalam Ee Ah Meng (1998), Institut Pendidikan Tempatan Awam ialah Universiti, Maktab Teknik, Maktab Pertanian, Maktab Perguruan dan Institut Teknologi Mara yang menawarkan pelbagai kursus sama ada dari segi akademik ataupun dari segi vokasional dalam berbagai-bagai cabang disiplin. Mengikut definisi ini, KUiTTHO adalah salah satu Institusi Pendidikan Tinggi Awam(IPTA) yang dahulunya dikenali sebagai Institut Teknologi Tun Hussien Onn(ITTHO).

KUiTTHO:-

Salah satu daripada IPTA di Malaysia yang bernama Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn yang bertempat di Batu Pahat, Johor dan di tubuhkan pada 27 September, 2000. KUiTTHO menawarkan pelbagai program dalam bidang kejuruteraan, teknologi dan pendidikan Teknik dan Vokasional. Kini terdapat 4 fakulti yang menjalankan program iaitu Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Teknologi

Kejuruteraan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Pusat Pengajian Siswazah.(Buku Panduan Pelajar KUiTTHO, 2002)

1.10 Definisi Operasi Kajian:-

Potensi :-

Menurut Kamus Collins Birmingham University International Language Database, English Language Dictionary (1987), potensi merujuk kepada

“Range of abilities and talents that he or she was born with, although these abilities may not be in full use yet”

“Have an ability to succeed or to do something well, although this may not be happening yet”.


“Necessary qualities to enable it to develop in the way mentioned, although it may not actually be doing so yet”.

Dalam konteks kajian ini, potensi keterlibatan dalam keusahawanan membawa makna kepada empat dimensi yang akan dinilai oleh pengkaji, iaitu:-

1. Kemahiran dan keterampilan.
2. Sifat-sifat dan ciri-ciri.
3. Pengalaman dan Latar belakang.
4. Motivasi dan sikap.

1.11 Kerangka Teori Kajian:-

Rajah 1.2 merupakan kerangka teori kepada kajian ini iaitu untuk mengenal pasti potensi keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan elektrik semester akhir KUiTTHO dalam bidang keusahawanan.



Diadaptasi dari Model Tuula (1995)

Rajah 1.2 Kerangka Kajian Penyelidik

BAB II

SOROTON KAJIAN

2.0 Pengenalan

Bidang keusahawanan merupakan suatu bidang yang menjadi tajuk perbincangan yang hangat apabila negara dilanda kegawatan ekonomi. Ramai graduan IPTA didapati masih menganggur selepas tamat pengajian. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Safar (2000), di kalangan 800 remaja pelbagai kaum yang meliputi di sekitar kawasan Multimedia Super Coridor (MSC), 16.4% ingin menceburi bidang perniagaan, 7.3% berhasrat menjadi usahawan, di mana secara jumlah keseluruhannya 23.7% remaja menunjukkan minat dalam bidang keusahawanan. Kajian ini jika ditinjau dengan lebih teliti adalah bertujuan untuk mengenal pasti sikap dan persepsi remaja-remaja yang majoritinya masih dalam alam pendidikan IPTA atau IPTS terhadap bidang perniagaan dan keusahawanan. Di samping itu kajian ini juga mengenal pasti perbezaan sikap dan persepsi pelajar-pelajar tersebut di samping faktor-faktor yang mempengaruhinya. Hasil kajian menunjukkan bahawa 23.7% responden mempunyai sikap yang positif terhadap bidang keusahawanan.

Bidang keusahawanan menjadi sesuatu yang popular di kalangan lulusan universiti negara-negara membangun yang dilanda masalah ekonomi. Dalam hal ini bidang keusahawanan dikenal pasti sebagai satu jawapan kepada masalah pengangguran (Rohaizat,2002). Satu kajian telah dilakukan di Nigeria oleh Owualah (1999) di kalangan remaja lulusan universiti untuk mengatasi masalah pengangguran dengan keterlibatan remaja dalam bidang keusahawanan. Remaja-remaja lulusan sekolah menengah dan universiti dipilih secara rawak di tujuh buah negeri dan 500 kertas soal selidik diedarkan dan akhirnya hanya 232 digunakan untuk tujuan analisis. Hasil kajian didapati sumber kewangan dikenal pasti menjadi kekangan para remaja lulusan universiti melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dan melalui kajian ini dicadangkan agar suatu sumber kewangan yang terjamin diberikan kepada mereka yang ingin menceburi dalam bidang keusahawanan di mana melalui kaedah ini sudah pasti ramai pelajar akan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dan secara tidak langsung akan mengurangkan kadar pengangguran.



2.1 Ciri-ciri Seorang Usahawan

Mengikut Tengku Khairi (2002), bidang keusahawanan dikenal pasti sebagai suatu bidang yang dapat membantu menjana keharmonian dan pembangunan sosioekonomi negara. Mengikutnya lagi sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh usahawan adalah sangat berharga. Dalam tulisannya, beliau mencadangkan permulaan yang baik dalam menceburi bidang usahawan adalah dengan membuat penilaian ke atas kekuatan dan kelemahan diri sendiri. Tambahan lagi usaha mengenal diri sendiri merupakan langkah pertama yang harus dilakukan bagi menentukan kesesuaian bidang keusahawanan, sebelum keputusan menceburi dunia tersebut dilaksanakan.

Tengku Khairi (2002), juga mengenal pasti beberapa ciri yang harus ada pada seseorang yang ingin menjadi usahawan. Di antara ciri-ciri yang dibincangkan adalah seperti memiliki fikiran yang kreatif dan inovatif, mempunyai sikap yang positif, sanggup berkorban, optimis kepada situasi, menghormati orang lain, melakukan sesuatu yang terbaik dan tenang menghadapi keadaan dan cabaran. Ini merupakan komponen yang penting untuk mengenal pasti sama ada mahasiswa mempunyai potensi untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

2.2 Kepentingan Bidang Keusahawanan

Pentingnya bidang keusahawanan dalam saat-saat negara kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi disokong oleh Rohaizat (2002). Beliau menyatakan terdapat banyak faktor yang memberi kesan kepada timbulnya minat terhadap usahawan di seluruh dunia pada masa kini. Hari ini, kebanyakan negara perindustrian mengalami kelembapan dan kemelesetan ekonomi dan kadar pengangguran yang tinggi.

Kelembapan, kemelesetan ekonomi dan kadar pengangguran yang melanda negara-negara seperti Malaysia menyebabkan ahli politik dan pembuat polisi cenderung ke arah bidang keusahawanan sebagai alternatif penyelesaian masalah pengangguran dan pemulihan ekonomi negara masing-masing. Banyak negara pada masa kini telah mengiktiraf dan mengubah polisi ke arah menyokong perniagaan kecil dan keusahawanan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi. (Rohaizat,2002)

Kajian Rohaizat, (2002) adalah tertumpu kepada sejauh manakah penerimaan para pelajar aliran kejuruteraan dan teknologi menerima mata pelajaran keusahawanan. Kajian ini dilakukan ke atas pelajar tahun akhir daripada lima fakulti

di UTM yang berteraskan kepada sains dan teknologi. Instrumen penilaian yang digunakan dalam kajian ini adalah dalam bentuk soal-selidik. Hasil kajian merujuk kepada 595 responden pelajar tahun akhir dari lima buah fakulti. Peratus responden lelaki ialah 53.9% sementara peratus responden wanita ialah 44.9%. Secara kesimpulan hasil kajian beliau menunjukkan bahawa memang terdapat kesedaran di kalangan pelajar-pelajar tersebut dalam bidang keusahawanan. Kesedaran yang tinggi di kalangan pelajar kejuruteraan mengukuhkan lagi pandangan bahawa pelajar berkelulusan teknikal lebih cenderung untuk bekerja sendiri dengan menubuhkan firma perunding selepas mereka memperoleh ijazah kelak. (Rohaizat,2002)

Mengikut Nordin (2001), beberapa ciri yang harus dipunyai oleh usahawan untuk mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan adalah daya kreativiti yang tinggi, mahu bekerja sebagai usahawan, keupayaan mengujudkan nilai kemanusiaan iaitu dalam perniagaan dan keyakinan diri. Keyakinan yang tinggi membolehkan usahawan terus ke hadapan tanpa dihalang atau tersekat-sekat dengan fobia tidak yakin. Seterusnya keyakinan akan membangkitkan rasa tidak putus asa yang merupakan sifat kental yang mesti ada dalam diri usahawan. Untuk berjaya dalam bidang keusahawanan, usahawan hendaklah mempunyai jati diri, wawasan untuk suatu jangka masa yang panjang dan mempunyai misi dalam menggerakkan wawasannya. (Sulaiman,1999).

2.3 Kemahiran Asas Usahawan

Sulaiman (1999) dan Saunah (2001) menggariskan beberapa ciri atau kemahiran yang perlu ada pada seseorang usahawan. Kedua-dua penulis ini juga menyatakan terdapat 13 ciri atau kemahiran harus dimiliki oleh seseorang usahawan jika ingin berjaya dalam bidang yang diceburinya. Ciri-ciri tersebut ialah

- (i) Inisiatif
- (ii) Merebut peluang
- (iii) Kecekalan
- (iv) Mencari Maklumat
- (v) Titik beratkan mutu kerja
- (vi) Kecekapan
- (vii) Komitmen
- (viii) Perancangan sistematik
- (ix) Kemahiran selesai masalah
- (x) Keyakinan diri
- (xi) Tegas
- (xii) Mampu yakinkan orang lain
- (xiii) Strategi pengaruh.

Ciri-ciri di atas memperlihatkan kepentingan nilai keterampilan diri atau kompeten seseorang usahawan adalah sangat penting di dalam mendorong seorang menjadi usahawan yang berjaya.

2.4 Potensi Keusahawanan

Potensi keusahawanan seseorang individu menurut Ducheneaut Betrand (1997), ialah:-

“ Each individual has a number of potential which make up a specific profile. For entrepreneurship, various essentials elements have been distinguished in entrepreneurs.”

(Ducheneaut Betrand ,1997)

Menurut hujah Ducheneaut Betrand (1997) lagi beberapa sifat yang sering dikaitkan dengan keusahawanan ialah seperti disenaraikan dalam jadual 2.1.

Jadual 2.1 *Characteristics Most often attributed to entrepreneurs*

<i>Tenacious</i>	<i>Detect opportunities</i>
<i>Able to handle ambiguity and uncertainty</i>	<i>Concrete, practical, realistic</i>
<i>Use resources well</i>	<i>Committed</i>
<i>Take moderate risks</i>	<i>Energetic, hardworking</i>
<i>Imaginative, creative</i>	<i>Self-confident</i>
<i>Result-orientated</i>	<i>Independent</i>

(Ducheneaut Betrand ,1997)

Potensi graduan universiti dikenalpasti pada peringkat awal lagi supaya dapat membantu mereka menjadikan bidang keusahawanan sebagai salah satu kerjaya yang boleh diceburi oleh mereka (Fletcher, 1999)

"Promoting entrepreneurship as a career option- the graduate enterprise programme helped those with sufficeint motivation, to gain the ability to convert their idea into a business....."

Menurut Zaidatol Akmaliah dan Habibah (1997), sesiapa yang ingin memilih usahawan sebagai kerjaya mestilah memiliki segala ciri-ciri personaliti dan ianya haruslah dipupuk dan diperkembangkan lagi melalui penyelidikan, pembacaan dan pemerhatian.

Jelas menunjukkan bahawa untuk menceburi bidang keusahawanan, seseorang individu mestilah mempunyai beberapa ciri seperti yang dinyatakan oleh sumber Economist (1998).

“ It is widely believed that entrepreneurs share certain character traits. Smiles listed courage, patience, perseverance, integrity, self learning, self-discipline, self-respect and conscientiousness..... ”

Sungguhpun pelajar-pelajar di IPTA yang telah didedahkan dengan pelbagai kemahiran asas akan tetapi ini tidak menjamin mereka akan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan contohnya dalam penyelidikan Fletcher (1999), beliau menyebut,

“Although graduate acquired skills and knowledge which may be technical and specialist , they may lack relevant business experience, skills, confidence.... ”

Oleh itu, pendidikan di peringkat universiti adalah penting untuk menekankan kesedaran keusahawanan di kalangan graduan supaya dapat menonjolkan potensi mereka dalam bidang keusahawanan. Menurut Zaidatol Akmaliah (1993), kejayaan selalunya mengiringi usahawan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi.

Menurut Ducheneaut Betrand (1997) dua objektif utama yang dapat dikekalkan pada peringkat universiti untuk mengujudkan kesedaran keusahawanan di kalangan graduan ialah dengan:-

(i) *“Detect student with high degree of entrepreneurial awareness and potential, and ;*

(ii) *Give training which reveals these characteristic, consolidated them and completes them through the acquisition of technical skills which reinforce the chances of successful creation and subsequently, the subsequently, the successful development of business..... ”*

Menyedari kepentingan bidang keusahawanan menurut Wahjoetomo, (2002), *Merdeka Malang University, Indonesia* memperkenalkan program “*Self Employment and Entrepreneurship Dvelopment (SEED)*” dalam kegiatan ko-kurikulumnya. Ia bertujuan untuk memperkembangkan potensi keterlibatan pelajar-pelajarnya dalam bidang keusahawanan.

Hasil daripada sorotan kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik, dapat disimpulkan bahawa potensi keterlibatan dalam bidang keusahawanan dapat di bahagikan kepada empat dimensi utama. Iaitu :-

1. Kemahiran dan keterampilan.
 2. Sifat-sifat dan ciri-ciri.
 3. Pengalaman dan Latar belakang
 4. Motivasi dan sikap
- (Seperti ditunjukkan dalam jadual 2.2)

Jadual 2.2: Potensi keterlibatan dalam keusahawanan berdasarkan gabungan karya Barjoyai (2000), Abdul Aziz (2000), Yep Putih (1985), Zaidatol Akmaliah dan Habibah (1997), Nordin (2001), Tengku Khairi, (2002), Rohaizat (2002), Sulaiman (1999), Saunah (2001), Ducheneaut Betrand (1997), Fletcher(1999)

KEMAHIRAN/ KETERAMPILAN	SIFAT- SIFAT/CIRI-CIRI	PENGALAMAN/ LATAR BELAKANG	MOTIVASI/SIKAP
1. Melihat/Mengenal pasti peluang	1. Kebebasan	1. Pengalaman dari industri yang sama.	1. Motivasi berkaitan dengan tugas.
2. Merebut peluang	2. Lokus Kawalan	2. Pengalaman melalui: Kerja, Pendidikan, alam kanak-kanak.	2. Motivasi belajar.

3. Bertanggungjawab	3. Keyakinan diri	3. Pembelajaran melalui perbuatan.	3. Sikap
4. Berfikiran Kreatif Inovatif	4. Keazaman	4. Pendidikan asas kemahiran.	4. Nilai
5. Idea yang konstruktif	5. Ketekunan	5. "Role Model" keluarga.	5. Kepercayaan
6. Menilai aspek positif dan negatif	6. Berorientasi kan kemajuan/kecekapan		
7. Menerima idea terbuka	7. Komitmen		
8. Pencari Maklumat	8. Berwawasan		
9. Asas maklumat yang kukuh	9. Arus tenaga yang tinggi		
10. Berkebolehan menggunakan maklumat	10. Kepandaian pelbagai ragam.		
11. Pemilihan maklumat	11. Dinamik		
12. Kemahiran Teknikal	12. Perolehan Sumber		
13. Perancangan sistematik	13. Kesanggupan untuk menyesuaikan diri kepada keadaan dan situasi		
14. Mengenal pasti masalah dan menyelesaikan masalah	14. Reputasi yang baik		
15. Melihat dan	15. Bermoral,		

bertindak	Berdisiplin, Beretika		
16. Tegas	16. Inisiatif		
17. Menghadapi risiko yang sederhana	17. Usahawan lasak		
18. Berunding			
19. Berkebolehan menggunakan strategi memujuk			
20. Ilmu menilai dan mengkaji			



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Rujukan:-

1. Abdul Aziz Yusuf (1998). “Asas-Asas Keusahawanan”.Prentice hall.
2. Mohd Asri Hj. Abdulla et. All (2000). “Pengurusan Perniagaan kecil” Utusan Publications.
3. Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia(1997). Medec, Mara



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH